

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

SOALAN NO. 20

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status permohonan/perlaksanaan kemudahan khidmat telefon bimbit di Long Palai, Long Apu, Long Moh, kawasan nelayan seperti Rh Muna, Rh Ngelingkong serta kawasan Segah Selaan Ulu Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, tiada menara komunikasi yang dibina di kawasan-kawasan ini kerana kedudukannya yang agak jauh terpencil di pedalaman dan tidak mempunyai infrastruktur asas terutamanya bekalan kuasa elektrik yang diperlukan bagi pengoperasian menara. Manakala di Rumah Ngelingkong pula, terdapat sebuah menara yang memberikan liputan 3G kepada penduduk berhampiran.
2. Namun begitu, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengkaji keperluan liputan selular dan jalur lebar di sekitar kawasan tersebut dan memberi pertimbangan untuk dimasukkan ke dalam perancangan masa terdekat sebagai inisiatif di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau *National Fiberisation and Connectivity Plan*, (“NFCP”)).